

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
(KOTA RAJA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2015

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan melalui Bank Negara bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat melayakkan pinjaman untuk pembelian rumah mampu milik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bank Negara Malaysia (BNM) tidak bercadang untuk melonggarkan syarat-syarat kelayakan pinjaman perumahan yang telah ditetapkan di

dalam Garis Panduan Amalan Pembiayaan yang Bertanggungjawab. Garis panduan ini dikeluarkan bagi memastikan individu mendapat pembiayaan yang setimpal dengan kemampuan membayar semula pinjaman sepanjang tempoh pembiayaan.

Garis panduan ini juga tidak menjejaskan akses kredit kepada mereka yang mempunyai keupayaan untuk memohon pembiayaan. Ini dibuktikan dengan kadar penolakan permohonan pembiayaan perumahan yang telah menurun kepada 48.8% pada Januari 2015 berbanding 57.1% pada bulan Januari 2013.

BNM tidak preskriptif dalam keputusan pemberian pinjaman dan nilai *affordability thresholds* yang digunakan oleh institusi perbankan. Walau bagaimanapun, institusi perbankan haruslah menunjukkan bahawa penilaian yang diguna pakai adalah memadai dalam menentukan keupayaan peminjam untuk membayar balik pinjaman serta mengambil kira peningkatan dalam kos pinjaman dan pada masa yang sama peminjam harus mempunyai kewangan yang cukup bagi menghadapi keadaan kecemasan atau sebarang kejadian yang tidak diingini.